



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

AMARAN PEMATUHAN HAD PELEPASAN EFFLUEN ATAU KUMBAHAN DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

21 APRIL 2016

Berikutan keadaan cuaca yang panas terik dan kering akibat fenomena El Nino yang kini sedang melanda negara, keupayaan air sungai untuk mencairkan sebarang kemasukan bahan pencemar dijangka akan terjejas dan menjadikannya sangat sensitif.

Saya memandang serius terhadap isu pelepasan efluen yang boleh menyebabkan risiko kepada hidupan akuatik dan operasi Loji Rawatan Air yang membekalkan air kepada masyarakat.

Sehubungan itu, semua pihak termasuk pihak industri serta pemilik loji-loji kumbahan yang melepaskan efluen perindustrian, efluen bercampur mahupun kumbahan hendaklah memastikan pelepasan tersebut diolah terlebih dahulu dan loji-loji pengolahan efluen (atau kumbahan) dipastikan beroperasi dengan sempurna, disenggara secara berkala dan pelepasannya sentiasa mematuhi had pelepasan yang telah ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Semua pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri dan Cawangan telah diarahkan untuk meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas termasuk sitaan kelengkapan mahupun Perintah Larangan ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan pelanggaran ke atas mana-mana peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sehingga 20 April 2016, JAS juga telah menerima sebanyak 13 aduan kes kecemasan yang melibatkan tumpahan bahan kimia dan minyak di mana satu kes melibatkan penutupan Loji Rawatan Air. Selain itu, sebanyak 10 aduan kejadian ikan mati diterima oleh JAS dalam tempoh sama. Jumlah bilangan kes ini adalah amat membimbangkan kerana insiden seumpama ini boleh menyebabkan pencemaran sungai yang merupakan sumber bekalan air utama di negara kita.

Berdasarkan siasatan penguatkuasaan oleh JAS pada tahun ini sehingga 20 April 2016, sebanyak 1303 aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan terhadap premis melepaskan efluen dan daripada jumlah lawatan ini, sebanyak 192 premis menunjukkan ketidakpatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Sebanyak 155 kompaun dan 172 Notis Arahan telah dikeluarkan.

Bagi kes pencemaran Loji Rawatan Air Gadek (Melaka) pada 15 April 2016 yang lalu, siasatan telah dijalankan oleh JAS dengan Badan Kawal Selia Air Melaka (BKSAM). Siasatan lanjutan pada 20 April 2016 mendapati terdapat limpahan air dari kolam takungan sementara (temporary pond) di sebuah premis ternakan ikan keli, yang telah menyebabkan pencemaran Sg. Batang Melaka. Walau bagaimanapun, premis tersebut tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kolam ternakan tersebut telahpun diarah tutup oleh Badan Kawal Selia Air Melaka (BKSAM) dan telah diberi tempoh selama 14 hari untuk berbuat demikian.

Bagi kes pencemaran di Sg. Nyior, Pahang, keputusan analisis kimia sampel air sungai yang telah diperolehi menunjukkan bacaan bakteria E.coli adalah tinggi. Berdasarkan petunjuk tersebut, pencemaran disyaki berpunca dari pelepasan kumbahan (manusia atau ternakan) dan ianya masih dalam siasatan lanjut pihak JAS.